

Polisi Keselamatan Jalan Raya PLUS Malaysia Berhad

Selaras dengan komitmen PLUS Malaysia Berhad (PLUS) terhadap Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) dan pematuhan kepada Polisi HSSE Syarikat, kami sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat tiada kemudaratan kepada pekerja, kontraktor dan pengguna lebuhraya ketika bekerja atau memandu di lebuhraya yang dikendali atau dioperasikan oleh Syarikat.

PLUS turut komited untuk memastikan risiko berkaitan Keselamatan Jalan Raya diurus dengan sebaiknya bagi meminimumkan ancaman bahaya kepada mereka yang mungkin terdedah secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Bagi mencapai tujuan ini, Syarikat akan menguruskan Keselamatan Jalan Raya melalui pendekatan sistematik 3E seperti berikut :

- **Kejuruteraan**

Aplikasi teknologi dan standard Keselamatan Jalan Raya yang terkini secara berterusan

- **Pendidikan**

Pembangunan program dan kempen keselamatan jalan raya secara berterusan untuk pekerja, kontraktor, pelanggan, dan komuniti setempat di sepanjang jajaran lebuhraya bagi meningkatkan kesedaran Keselamatan Jalan Raya

- **Penguatkuasaan**

Kolaborasi berterusan dengan agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan dalam operasi usaha sama untuk memastikan keselamatan pelanggan

Para pekerja turut mesti bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan diri semasa memandu ketika menjalankan tugas rasmi Syarikat dengan mematuhi segala peraturan asas seperti di bawah :

- **Keselamatan Pemandu** – memastikan pematuhan terhadap peraturan berkenaan perlesenan, latihan pemanduan secara defensif serta tahap kecergasan terbaik untuk memandu

- **Keselamatan Kenderaan** – memastikan kenderaan yang dipandu ketika menjalankan tugas rasmi Syarikat adalah dalam keadaan yang baik dan selamat

- **Keselamatan Perjalanan** – memastikan persediaan Pelan Pengurusan Perjalanan (jika perlu)

Sebagai tambahan, adalah menjadi tanggungjawab Pemandu untuk memastikan Penumpang (jika ada) dalam kenderaan yang dipandu ketika menjalankan tugas rasmi Syarikat, turut mematuhi segala peraturan undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan tali pinggang keledar keselamatan di bahagian hadapan dan belakang. Kegagalan mematuhi peraturan boleh menyebabkan Pekerja dikenakan tindakan yang sewajarnya.



Datuk Nik Airina Binti Nik Jaffar

Pengarah Urusan

6 Oktober 2023

